

Lima jam terputus hubungan

Terowong menghubungkan Kampung Pasir Pekan Tengah dengan jalan utama digenangi air sedalam 0.5 meter

■ ROHANA ISMAIL

TUMPAT - Hujan lebat sejak semalam, mengakibatkan seramai 700 penduduk di Pasir Pekan Tengah, di sini, terputus hubungan selama lima jam apabila terowong menghubungkan kampung berkenaan ke jalan utama, digenangi air sedalam 0.5 meter.

Berikutan itu, penduduk kampung mahu keluar ke bandar terpaksa menggunakan jalan kampung agak sempit dan jauh sebagai laluan alternatif.

Penduduk, Wan Mohd Yusof Wan Taib, 60, berkata, terowong berhampiran Jambatan Sultan Yahya itu se-

ring digenangi air, namun bukan disebabkan limpahan air Sungai Kelantan, sebaliknya berpunca daripada masalah sistem perparitan.

"Masalah ini kerap berlaku, jika hujan lebat beginilah jadi. Kenderaan penduduk tak dapat nak keluar, nak masuk ke Kampung Pasir Pekan Hilir kena ikut jalan jauh," katanya.

Menurut Wan Mohd Yusof, walaupun ada jalan surur keluar bersebelahan terowong itu, tetapi pengguna perlu membuat pusingan U di lampu isyarat di simpang masuk pasar raya Tesco jika perjalanan menghala ke Wakaf Bharu atau ke Pasir Mas.

"Jika terowong ini boleh dilalui, tidaklah perlu menyeberangi jambatan dan kemudian membuat pusingan U," katanya.

Justeru, Wan Mohd Yusof mewakili penduduk merayu pihak berkenaan segera menyelesaikan masalah tersebut kerana ia menyukarkan mereka apabila perlu melencong jalan jauh dan berdepan kesesakan.

Menurutnya, pada musim banjir pula, terowong itu akan ditenggelami air hampir dua meter akibat limpahan Sungai Kelantan menyebabkan penduduk terputus hubungan kerana jalan alternatif turut tenggelam.



Terowong di Pasir Pekan digenangi air menyebabkan penduduk terputus hubungan lima jam.